



KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor Yang Bertaraf Bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

BIL	NO SEBUTHARGA & TAJUK TAWARAN SEBUTHARGA	KELAYAKAN	LOKASI PENDAFTARAN, TARIKH PEMBELIAN DAN TARIKH PENUTUPAN SEBUTHARGA
1.	JPS/P/SH/SPS/BRE/01/2021 KERJA-KERJA PENGUKUHAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN STRUKTUR PINTU KAWALAN PASANG SURUT TANJUNG KETUPAT GATE B SERTA KERJA KERJA BERKAITAN, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN PULAU PINANG. (5° 8'25.64"N 100°24'19.63"E)	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Perakuan Pendaftaran Seperti berikut :	<u>Lokasi Pendaftaran</u> Kuarters JPS Sungai Acheh, Jalan Sungai Acheh (P169) Mukim 10, Sungai Acheh, 14310 Nibong Tebal, Pulau Pinang (5°08'48.4"N 100°25'51.2"E) <u>Tarikh dan Masa Pendaftaran :</u> 05.5.2021 (Rabu) 9.00 pagi – 12.00 tengahari <u>Tarikh dan Tempat Tutup Sebutharga</u> 12.05.2021 (Rabu) 12.00 Tengah hari Rumah Pam Nibong Tebal JPS, 14300 Seberang Perai Selatan * Salinan Lesen SSM dan CIDB yang tempoh sah laku masih aktif dan salinan penyata bank adalah wajib disertakan sewaktu menghantar borang sebutharga.
2.	JPS/P/SH/SPS/BRE/02/2021 KERJA-KERJA PENGUKUHAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN STRUKTUR PINTU KAWALAN PASANG SURUT SUNGAI CHENAAM SERTA KERJA KERJA BERKAITAN, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN PULAU PINANG. (5°15'4.53"N 100°27'37.35"E)	Gred : G1 Kategori : ME DAN CE Pengkhususan : CE21 dan M15	<u>Tarikh dan Tempat Tutup Sebutharga</u> 12.05.2021 (Rabu) 12.00 Tengah hari Rumah Pam Nibong Tebal JPS, 14300 Seberang Perai Selatan * Salinan Lesen SSM dan CIDB yang tempoh sah laku masih aktif dan salinan penyata bank adalah wajib disertakan sewaktu menghantar borang sebutharga.

1. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIPERLUKAN**. Pihak kontraktor dinasihatkan untuk melawat ke tapak bagi membolehkan memberikan harga kerja yang munasabah mengikut koordinat seperti berikut. Kontraktor diingatkan tidak ke tapak secara beramai-ramai dan sentiasa mengekalkan penjarakan sosial bagi membendung penularan penyakit Covid-19.
2. Semua kontraktor yang berminat memasuki tawaran sebutharga diwajibkan mendaftar di lokasi seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas.
3. Semasa Pendaftaran, **WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN** (Walaupun Bersurat) Sila bawa bersama Sijil CIDB (CE21 DAN M15) dan PKK, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera dan kad pengenalan asal untuk proses pendaftaran. Kegagalan membawa semua dokumen tersebut akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam sebutharga ini. Terbuka kepada semua kontraktor yang beralamat di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.

4. Bagi **PENDAFTARAN** dan **PENGHANTARAN** borang sebutharga, kontraktor perlulah memenuhi syarat-syarat serta mematuhi langkah-langkah seperti berikut :-
- I. Pemeriksaan suhu badan melalui *'held thermometer'* perlu dilakukan dan hanya yang mempunyai suhu normal sahaja akan dibenarkan untuk sesi pendaftaran dan semasa menghantar borang sebutharga.
 - II. Penjarakkan sosial satu (1) meter dilaksanakan
 - III. Pemakaian topeng muka (*Face Mask*)
 - IV. Penggunaan *'hand sanitizer'*
5. **KONTRAKTOR YANG LAYAK** berdasarkan syarat-syarat tersebut akan diberikan borang serta maklumat secara *soft copy* melalui e-mail/Whatsapp/Telegram/pendrive (jika ada) dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas pendaftaran.



(MOHD KAMARUL BIN MOHD NOH)

Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Daerah Seberang Perai Selatan

Tarikh : 28 APRIL 2021